



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR bersalaman dengan rakyat jelata yang hadir dalam Majlis Jamuan Teh sempena Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor di Stadium Batu Pahat, Johor, semalam. Turut kelihatan Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah.

Rakyat redah hujan untuk bersama sultan

BATU PAHAT 5 April - Hujan reyai tidak menjadi penghalang kepada lebih 10,000 rakyat jelata menunggu ketibaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah yang berkenan berangkat ke majlis jamuan teh bersama-sama rakyat.

Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah yang tiba tepat pukul 3 petang di Stadium Batu Pahat di sini, disambut rakyat pelbagai kaum yang mula membanjiri pekarangan stadium sejak pukul 1 petang.

Berangkat sama ke majlis itu, Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar; Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Speaker Dewan Undangan Negeri, Tan Sri Mohamad Aziz; barisan-barisan Exco kerajaan negeri dan pemimpin tempatan.

Dalam majlis yang diadakan bersempena Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor pada 23 Mac lalu,

baginda berdua turut meluangkan masa untuk beramah mesra dan bersalaman dengan rakyat jelata yang hadir.

Raja Zarith Sofiah turut berkenan menyampaikan kurniaan bungkusan kepada 15 orang yang memerlukan di daerah ini.

Majlis yang berlangsung hampir dua jam itu diserikan dengan pelbagai persembahan tarian dan kebudayaan serta nyanyian termasuk oleh Nash, selain orang ramai dihidangkan dengan pelbagai sajian istimewa.